

24/03/1998

Tol Laluan Kedua tidak dikurang

Radzi Wahab

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan bertegas tidak akan mengurangkan kadar tol yang dikenakan di Laluan Kedua di Johor Bahru, walaupun wujud permintaan daripada pelbagai pihak supaya kadar itu dikaji semula.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata kadar tol yang dikenakan itu berpatutan dan kerajaan sanggup 'rugi' jika pengguna terus mengelak daripada menggunakan lebuh raya baru itu dengan memilih Tambak Johor.

"Kita tidak akan mengurangkan kadar tol itu lagi kerana kadar yang Malaysia kenakan adalah sesuai dengan jarak laluan yang dibina," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen Kesembilan, di Bangunan Parlimen, di sini hari ini.

Mesyuarat itu dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan dihadiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ahli Parlimen dan jempunan kehormat.

Semalam, Naib Presiden Persatuan Pemilik Lori Pan-Malaysia, Er Sui See, menggesa kerajaan supaya lebih simpati terhadap nasib pemilik lori yang terpaksa mengeluarkan banyak wang untuk membayar tol dalam keadaan kegawatan ekonomi.

Menurutnya, kadar tol yang tinggi di Laluan Kedua menyebabkan 90 peratus daripada 1,500 lori kembali menggunakan Tambak Johor untuk ke Singapura, sehingga menyebabkan kesesakan lalu lintas.

Er berkata, hanya 10 peratus lori menggunakan Laluan Kedua dan penggunaannya tidak dapat dielakkan kerana mereka membawa bahan yang membahayakan kesihatan.

Laluan kedua yang menghubungkan Gelang Patah dan Tuas dibuka kepada trafik pada 2 Januari lalu dan dibuka percuma kepada orang ramai untuk 74 hari pertama.

Kadar tol yang dikenakan di Laluan Kedua itu meliputi lori kecil/van (RM11.40), bas (RM6.20), kereta (RM4.80), teksi (RM4) dan motosikal (RM1).

Bagaimanapun, Samy Vellu menganggap kesesakan yang berlaku di Tambak Johor itu bersifat 'sementara' sebelum pengguna kembali menggunakan Laluan Kedua itu.

"Apabila mereka sedar yang mereka akan cepat sampai dengan menggunakan Laluan Kedua, mereka akan kembali menggunakan laluan itu," katanya.

(END)